

Sungai Selangor lepassi paras bahaya

KUALA LUMPUR: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meminta penduduk di sekitar Sungai Selangor di Kuala Badong, Kuala Selangor berjaga-jaga berikutan air sungai berkenaan melebihi paras bahaya dengan bacaan 4.04 meter.

Kawasan sekitar dikhua-tiri dinaiki air, menurut portal JPS yang dikemas kini pada 10 pagi semalam.

Sungai Langat di Bukit Changgang, Kuala Langat pula melebihi aras amaran dengan bacaan 4.11m, dan JPS meminta penduduk sekitar berwaspada.

Dalam pada itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) menyatakan mangsa banjir di Perak setakat 9.30 pagi semalam berjumlah 35 daripada sembilan keluarga yang ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Agama Rakyat, Kampung Padang Serai di Manjung.

Portal banjir MKN bagaimanapun tidak memberi maklumat terbaharu bilangan mangsa di Selangor, Johor dan Melaka.